



Rujukan kami : BPSM-100-10/4/2 Jld.3 (5)
Tarikh : 10 September 2021

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
Semua Ketua Jabatan / Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan
Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan
Semua Datuk Bandar /
Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Darul Ehsan
Semua Ketua Jabatan Badan-Badan Berkanun dan Anak-Anak Syarikat
Semua Setiausaha Bahagian / Timbalan Pengarah / Ketua Penolong
Setiausaha/
Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Tuan/Puan,

**ARAHAN PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN DI BAWAH
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR MENGIKUT FASA
PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – FASA 2**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berdasarkan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri pada 8 September 2021, Lembah Klang akan beralih daripada Fasa 1 kepada Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara berkuat kuasa mulai 10 September 2021.
3. YBhg. Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) menerusi kenyataan media pada 8 September 2021 memaklumkan bahawa Pengoperasian Pejabat Kerajaan Mengikut Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara ialah **kehadiran tidak melebihi atau maksimum 60% bekerja di pejabat bagi keseluruhan dan 40% bekerja dari rumah secara penggiliran** tidak termasuk perkhidmatan *frontliners*, keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan.
4. Sehubungan itu, kehadiran semua pegawai dan kakitangan agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor mulai 10 September 2021 perlu mengikut saranan YBhg. Tan Sri KPPA. Manakala perkhidmatan kaunter juga akan beroperasi pada kadar 60% dan mesyuarat masih diadakan secara dalam talian melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan.

**ARAHAN PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN DI BAWAH
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR MENGIKUT FASA
PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – FASA 2**

5. Perhatian dan kerjasama pihak Tuan/Puan bagi menyempurnakan perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' NOR AZMIE DIRON)